



KENYATAAN MEDIA

MCMC PERKUKUH KERJASAMA DENGAN TIGA RAKAN STRATEGIK MENERUSI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BAGI MENGGALAKKAN PENDIGITALAN SEKTOR KESIHATAN DAN MEMPERKASA KOMUNITI

CYBERJAYA, 29 November 2023- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini telah bertukar dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tiga rakan strategik iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) dan Persatuan Farmasi Malaysia (MPS) bagi menggalakkan pendigitalan sektor kesihatan dan pemerkasaan komuniti.

Majlis pertukaran MoU ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sempena Persidangan Pusat Ekonomi Digital (PEDI) MADANI 2023.

Pertukaran dokumen di antara MCMC dengan FELDA, MMA dan MPS telah disaksikan oleh Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil; Timbalannya, YB Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa; Pengurus Eksekutif MCMC, Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din; Pengarah Komunikasi Strategik FELDA, Puan Mastura Abdul Manap, serta Setiausaha Agung Kehormat MMA, Datuk Dr. Thirunavukarasu Rajoo, dan Presiden MPS, Prof. Amrahi bin Buang.

Melalui kerjasama ini, MCMC bersama FELDA, MMA dan MPS akan membantu komuniti masing-masing untuk menyesuaikan diri dengan landskap digital yang sentiasa berubah, sejajar dengan ketersediaan PEDI sebagai pemangkin ekonomi digital negara.

MCMC dan FELDA akan menjalin kerjasama melalui Kempen Komuniti Pintar yang menggalakkan penggunaan pembayaran tanpa tunai melalui PEDI di kawasan-kawasan FELDA. Beberapa siri kempen kesedaran yang berpaksikan empat tonggak utama iaitu literasi digital, keselamatan siber, peluang pendapatan, dan pembinaan kapasiti berdasarkan platform tanpa tunai akan turut melibatkan rakan-rakan strategik MCMC yang lain termasuk Touch 'n Go, Foodpanda, Boost, Maybank MAE QR, dan lain-lain penyedia perkhidmatan kewangan.

Sementara itu, pertukaran MoU di antara MCMC dengan MMA dan MPS pula dijangka akan merancakkan lagi pendigitalan di klinik dan farmasi komuniti swasta melalui Geran Digital Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana selaras dengan aspirasi Ekonomi MADANI dan Kertas Putih Perubatan.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV